

Usah gembur-gembur isu kritikan Dr. M – Hishammuddin

Oleh HASHNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 29 Jun – Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein meminta anggota pergerakan itu supaya tidak lagi mengembar-gemburkan isu kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan dan parti di khalayak ramai dan media.

Beliau menegaskan, yang penting, semua ahli pergerakan itu memberi tumpuan sepenuhnya untuk memastikan pengisian Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dilaksanakan dengan berkesan.

“Bagi Pemuda, buat masa ini, kita cukup rasional dan apa yang penting kita perlu buat kerja kerana dalam isu sebegini, saya lihat ada juga fitnahnya.

“Isu itu juga sekali gus menyedarkan kita semua bahawa RMK-9 adalah penting untuk dilaksanakan demi pembangunan

ekonomi negara,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca kabinet kementeriannya, di sini hari ini.

Awal bulan ini, bekas Perdana Menteri itu mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang dibuat oleh pentadbirannya sebelum ini.

Ini termasuk soal pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura, kedudukan kereta nasional Proton, pembangunan Putrajaya dan dasar kewangan serta ekonomi negara.

Kritikan yang berterusan itu menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan beberapa menteri Kabinet.

Ini kerana tindakan itu bukan sahaja bertentangan dengan janji-janji bekas Perdana Menteri itu sebelum melepaskan jawatan untuk tidak mencampuri urusan pentad-

Um-30/6/2006
Isu itu juga sekali gus menyedarkan kita semua bahawa RMK-9 adalah penting untuk dilaksanakan demi pembangunan ekonomi negara

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**

biran negara, tetapi juga berunsur tikam dari belakang terhadap kerajaan dan UMNO.

Hishammuddin menegaskan, isu tersebut timbul bukan hanya kerana pengaruh ahli perniagaan yang tidak mendapat projek kerajaan, tetapi juga mereka yang cuba menanggung di air keruh.

Menurut Menteri Pelajaran itu, ada pihak yang mahu mengambil kesempatan dalam suasana yang begitu sensitif itu demi menjaga kepentingan peribadi mereka sendiri.

“Sehubungan itu, apa yang penting adalah memberi penjelasan kepada orang ra-

mai mengenai isu yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir supaya mereka tidak keliru dan tidak mudah diperdayakan oleh pihak tertentu.

“Lagipun orang ramai yang akan menilai apa yang kita lakukan sekarang ini,” katanya.

Bagaimanapun, beliau percaya Dr. Mahathir akan terus mempersoalkan pelbagai perkara yang menyentuh kerajaan dan juga parti tetapi persoalan utama adakah beliau akan berpuas hati terhadap penjelasan yang dibuat.

“Tetapi saya rasa ia tidak mungkin akan memenuhi kehendak Dr. Mahathir,” katanya.